

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 JANUARI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Amaran hujan lebat peringkat jingga di Kelantan	Utusan Online
2.	Amaran hujan lebat di Pantai Timur, Johor dan Sabah	Berita Harian Online



Amaran hujan lebat peringkat jingga di Kelantan

KUALA LUMPUR 22 Jan. – **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga melibatkan beberapa jajahan di Kelantan yang dijangka berterusan sehingga Selasa depan.

Pengaruhnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, enam jajahan terlibat adalah Kota Bharu, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Kuala Krai dengan penduduk akan terdedah risiko banjir terutama yang tinggal di kawasan rendah.

“Selain Kelantan, negeri Terengganu, Pahang Johor dan Sabah juga dijangka mengalami hujan lebat berterusan peringkat jingga,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Hujan lebat kembali melanda negeri-negeri di pantai timur sejak beberapa hari lalu dengan 51 buah sekolah di lima jajahan di Kelantan terpaksa ditutup semalam berikutan hujan lebat luar biasa.

Malah, lebih 10,000 orang daripada 2,832 keluarga di Kelantan ditempatkan di pusat pemindahan melibatkan tujuh jajahan manakala di Terengganu, 1,662 orang dipindahkan setakat pukul 5 petang ini.

Dalam pada itu, Che Gayah berkata, kawasan perairan Samui, Condore, Reef North, Kelantan dan Terengganu terdedah dengan angin kencang Timur Laut dan laut bergelora yang dijangka berlaku sehingga esok.

“Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur pula terdedah keadaan cuaca yang sama dan amaran kategori pertama telah dikeluarkan.

“Justeru, orang ramai diingatkan supaya berhati-hati dan mengelakkan aktiviti rekreasi pantai selain keadaan ini turut berbahaya kepada bot-bot kecil,” katanya.

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 23 JANUARI 2017 (ISNIN)**

**BH
ONLINE**

Amaran hujan lebat di Pantai Timur, Johor dan Sabah



Ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah sambil berpayung bagi melindungi anak mereka supaya tidak terkena hujan yang turun sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Klang. Menurut laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), suhu yang dicatatkan hari ini di Selangor adalah 26.0 darjah celsius.

KUALA LUMPUR: Amaran hujan lebat peringkat jingga dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** di beberapa negeri di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor serta Sabah, awal pagi ini dan dijangka berterusan sehingga esok.

MetMalaysia dalam kenyataannya melaporkan, kawasan yang terbabit di Kelantan adalah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Di Pahang, daerah yang terbabit ialah Kuantan, Pekan, Jerantut, Lipis, Maran, Temerloh, Bera dan Rompin, manakala Sabah membabitkan Kinabatangan, Beluran, Sandakan, Kudat, Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Belud dan Ranau.

Sementara itu, MetMalaysia mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di perairan negara. Angin kencang Timur Laut berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu sehingga esok.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai," katanya.